

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR - BN]**

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN (NO. 22)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah drastik dalam membantu golongan belia di bandar yang berpendapatan rendah dalam mendepani GST.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah-langkah drastik dalam membantu golongan belia di bandar yang berpendapatan rendah dalam mendepani GST, Kementerian telah melaksanakan beberapa strategi bagi meningkatkan kesedaran melalui elemen pendidikan serta pendedahan lebih telus ke arah meningkatkan keyakinan golongan belia untuk mendepani GST.
2. Dalam usaha untuk menyalurkan pengetahuan, memberi pendedahan dan pengalaman serta mendapat maklum balas berkaitan GST, Kementerian melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan Persidangan Meja Bulat Belia berkaitan Isu GST yang membincangkan secara terperinci tentang topik-topik dan input-input yang didatangkan dari pelbagai agensi berkaitan GST.
3. Antranya, pada 16 Mac 2014, telah diadakan rundingan meja bulat mengenai "*Cukai Barang & Perkhidmatan (GST): Apa Pandangan Belia?*" Melalui rundingan tersebut, beberapa rumusan daripada persidangan mengenai pandangan belia. Antaranya ialah:
 - a) Golongan belia mahu diberi penjelasan secara menyeluruh mengenai pelaksanaan GST dengan memberi penerangan terhadap penggunaan hasil cukai GST iaitu ke mana hasil cukai disalurkan dan dibelanjakan.

SULIT

- b) Golongan belia juga berpendapat bahawa pihak kerajaan perlu memberi jaminan bahawa pelaksanaan GST tidak akan membebankan rakyat dengan kenaikan harga barang yang membawa kepada kos sara hidup yang tinggi.
 - c) Oleh sebab itu, golongan belia berpandangan supaya pihak kerajaan melalui Kastam dan KPDNKK dapat memantau pelaksanaan GST demi memastikan ketelusan sistem GST ini.
4. Bagi memperkukuhkan strategi dan inisiatif untuk memberi informasi berkaitan penerimaan dan cadangan penambahbaikan bagi pelaksanaan GST, Kajian Pemahaman Belia Tentang Isu GST telah dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas dalam kalangan belia berkaitan pelaksanaan GST.
5. Selain itu, IYRES juga telah menjalankan program *training of trainers* kepada pelajar IPT yang turut membincangkan isu GST pada 8 Oktober 2014. Hasil perbincangan membawa kepada 9 resolusi yang telah dipersetujui oleh golongan belia yang menghadiri perbincangan tersebut iaitu:
- a) Golongan belia dan mahasiswa meminta agar pihak bertanggungjawab seperti KPDNKK dan agensi-agensi berkaitan dapat memastikan harga barang sentiasa dipantau.
 - b) Selain itu, golongan belia juga menegaskan pihak kerajaan agar dapat menyediakan senarai barang yang lengkap terhadap barangan yang tidak dikenakan GST.

SULIT

- c) Golongan belia juga menyarankan agar pihak berkaitan dapat melabelkan produk-produk yang dikenakan GST supaya tidak berlaku penipuan atau sebagainya dalam urusan jual beli.
6. Melalui perbincangan tersebut, golongan belia menyarankan agar diadakan sesi dialog yang efektif antara pemimpin dan rakyat bagi membolehkan setiap persoalan mengenai pelaksanaan GST dapat dirungkai dan mengharapkan pihak kerajaan dapat memberi jaminan bahawa GST tidak membebankan rakyat dengan kenaikan harga barang yang akan membawa kepada peningkatan kos sara hidup belia.
7. Bahagian Pembangunan Manusia Manusia KBS, telah melaksanakan Program Gegar GST Peringkat Kementerian Belia dan Sukan yang disasarkan kepada pegawai dan kakitangan di Jabatan Belia dan Sukan Negeri serta Institut Kemahiran Belia Negara seluruh Malaysia.
8. Program ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat dan kefahaman mengenai GST kepada pegawai dan kakitangan selaku penjawat awam yang menggalas tanggungjawab menyampaikan dasar-dasar kerajaan kepada orang ramai secara berkesan.
9. Seramai 22 orang pegawai telah dilantik sebagai *GST Advocators* bagi menerangkan konsep pelaksanaan GST kepada pegawai dan kakitangan di Kementerian Belia dan Sukan. Pegawai ini telah diberi latihan khas berasaskan modul kursus yang dibangunkan dengan kerjasama pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia,

SULIT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan dan Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.